

# Malaysia, Poland perluas kerjasama

BERITA HARIAN

11 JUN 2025

m/s: 3

Kedua-dua negara perkukuh hubungan pelbagai bidang perdagangan, pelaburan

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Malaysia dan Poland bersetuju memperkukuh serta memperluas kerjasama dua hala dalam pelbagai bidang perdagangan dan pelaburan, khususnya teknologi makanan dan digital, tenaga boleh diperbaharui serta berkongsi kepakaran dalam bidang hidrogen kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Pada sidang media bersama Presiden Poland, Andrzej Duda semalam, Perdana Menteri berkata, Malaysia turut melihat peranan penting Poland yang kini menjadi Pengerusi Majlis Kesatuan Eropah (EU) untuk meneroka kerjasama lebih meluas bukan sahaja dalam konteks Malaysia, tapi juga ASEAN.

Ini adalah lawatan istimewa kerana Presiden (Andrzej) Duda kini adalah Pengerusi Majlis EU. Perbincangan bukan sahaja terarah kepada hubungan bilateral yang memang menjadi keutamaan, tapi juga menyentuh isu ASEAN dan EU.

"Kita mengandaikan EUDR (Pelaksanaan Undang-Undang Anti-Penebangan Hutan EU), perjanjian perdagangan EU.

"Sejak (Andrzej) Duda menjadi pengerusi (Majlis EU), kita melihat ini sebagai 'jalan pintas' dalam proses perbincangan antara ASEAN dan EU serta Malaysia, EU termasuk Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) yang sudah berjalan sejak sekian lama.

"Pada saya, Poland dan EU adalah rakan strategik perdagangan negara untuk Malaysia serta ASEAN," katanya pada sidang media di Putrajaya, semalam.

Perdana Menteri berkata, penyelarasan berterusan, dengan Malaysia sebagai Pengerusi ASEAN tahun ini dan Poland menyandang jawatan presiden Majlis EU pada separuh pertama 2025, telah mewujudkan peluang diplomatik yang unik untuk memupuk hubungan ASEAN-EU yang lebih erat, khususnya dalam perdagangan.

"Lawatan Presiden Andrzej Duda sangat istimewa kerana beliau kini memegang jawatan presiden Majlis EU, manakala Malaysia



Anwar bersalaman dengan Duda di Putrajaya, semalam.

(Foto Mohd Fadli Hamzah/BH)

adalah Pengerusi ASEAN.

"Perbincangan kami menyentuh tentang isu dua hala dan isu ASEAN-EU yang lebih meluas," katanya.

Perdana Menteri berkata, perbincangan antara ASEAN dan EU, khususnya mengenai FTA, mendapat momentum baharu selepas mencatat kemajuan yang perlahan selama bertahun-tahun.

"Rundingan itu berlanjutan, mungkin disebabkan keutamaan yang berbeza pada masa lalu. Tetapi sepanjang tahun lepas dan terutamanya dalam beberapa bulan kebelakangan ini, kita telah melihat proses yang dipercepatkan," kata beliau.

## Hargai sokongan Poland

Beliau berkata, Malaysia juga menghargai sokongan Poland terhadap penyelesaian dua negara di Asia Barat dan pendirian yang sama turut dikongsi kebanyakan negara EU dan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

"Saya gembira apabila mendapat tahu Presiden (Duda) akan ke Port Dickson hari ini, terutama bersama dengan Kementerian Pertahanan.

"Dasar saya sejak memegang jawatan perdana menteri sangat jelas - keutamaan dalam memastikan keperluan Kementerian Pertahanan harus diserahkan kepada pasukan profesional sahaja," ka-

tanya sambil menyatakan kerjasama pertahanan dua hala mempunyai potensi yang kukuh untuk berkembang maju.

Duda yang mengadakan lawatan rasmi tiga hari ke Malaysia bermula kelmarin diberi sambutan rasmi negara, di Bangunan Perdana Putra di Putrajaya semalam.

Tedahulu, ketibaan Duda di Bangunan Perdana Putra sekitar jam 10.05 pagi disambut Anwar sebelum lagu kebangsaan kedua-dua negara dimainkan.

Ketibaan Duda diiringi isterinya, Agata Kornhauser-Duda yang turut disambut isteri Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail.

Mengulas lanjut, Anwar berkata, dengan peranan penting Poland di EU, Malaysia turut melihat kerjasama yang lebih jauh dalam bidang pertahanan.

"Kita juga berbincang untuk memperluas eksport minyak kelapa sawit, produk getah dan dan kerjasama dalam bidang E&E (elektrik dan elektronik) termasuk hidrogen bersih.

"Kita juga bincang untuk memperluas hubungan yang lebih panjang dalam bidang pertahanan seiring dengan kunjungan beliau ke (Rejimen Kedua Kor Armor Diraja di Kem Sunggala di) Port Dickson, selain bidang halal," katanya.